



 **Pengumuman dari Jabatan Perubatan Transfusi Darah, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (Tabung Darah HTAR).** 

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan, stok darah dijangka akan menurun   

Walaupun bagaimanapun, pendermaan darah masih boleh diteruskan di Unit Tabung Darah HTAR.

Tabung Darah HTAR memohon bantuan para penganjur untuk membantu pasukan Derma Darah HTAR dalam mendapatkan penderma darah (kumpulan yang kecil sahaja) iaitu seramai 5-10 orang.

Pendermaan darah kini boleh dilakukan di:

TABUNG DARAH HTAR   

Waktu operasi :

ISNIN-JUMAAT: 8AM- 8.30PM
SABTU/AHAD: 8AM-5PM

HTAR memerlukan 80-100 beg darah sehari untuk kegunaan pesakit thalasemia, ibu bersalin, mangsa kemalangan, denggi dan disalurkan juga ke Hospital Shah Alam, Hospital Banting, Hospital Tanjung Karang, Hospital Sabak Bernam dan juga hospital swasta di sekitar Klang.

Untuk makluman, pihak kami akan menyediakan pengangkutan untuk pihak penganjur dan membawa para penderma darah dalam kumpulan kecil (5-10 orang) ke Unit Tabung Darah HTAR untuk proses pendermaan.

Sila hubungi : PRO JPTD Norshazila binti Ahmad (0192524378) Diyana Khairron (0107624066) Izzideen Khairi (0122850502) untuk temujanji hadir ke Centre untuk persediaan awal.

Antara langkah pencegahan penularan Covid-19 yang diambil ialah:-

Penggunaan hand sanitizer sebelum/semasa perjalanan ke HTAR






Para penganjur diharap dapat mengenalpasti hanya penderma yang sihat dan tiada sejarah kontak rapat/perjalanan keluar negara/menghadiri program tabligh Sri Petaling/PUI COVID-19 untuk proses pendermaan.

Di Unit Tabung Darah, pihak kami akan melakukan perkara seperti berikut:

- ✓ Saringan kesihatan diluar unit pendermaan/sejarah kontak rapat/ perjalanan keluar negara/menghadiri program tabligh Sri Petaling/PUI COVID-19
- ✓ Semua penderma digalakkan menggunakan hand sanitizer yang disediakan sebelum mengisi borang pendermaan darah
- ✓ Semua kakitangan kami akan memakai face mask
- ✓ Jarak antara penderma adalah sebanyak 1 meter
- ✓ Tempat pendermaan akan dicuci dengan sterilizer secara berkala

Saringan kesihatan diluar unit pendermaan/sejarah kontak rapat/ perjalanan keluar negara/menghadiri program tabligh Sri Petaling/PUI COVID-19
Semua penderma digalakkan menggunakan hand sanitizer yang disediakan sebelum mengisi borang pendermaan darah
Semua kakitangan kami akan memakai face mask
Jarak antara penderma adalah sebanyak 1 meter
Tempat pendermaan akan dicuci dengan sterilizer secara berkala

Bantulah kami dengan menderma darah.     

1 beg darah dapat menyelamatkan 3 nyawa     

#jomdermadarah
#dermadarahHTAR

-Para pesakit akan menghargai jasa & pengorbanan anda-